

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Bertulis**

**DARIPADA : Dato' Ngeh Koo Ham [ BERUAS ]**

**SOALAN : Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan nama syarikat-syarikat yang dibenarkan untuk mengespot sarang burung walit. Adakah Kementerian bercadang memansuhkan monopoli syarikat-syarikat ini supaya pengeluar sarang burung walit bebas mengekspot sarang burung walit selagi mereka mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian.

## **Jawapan**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebanyak 19 buah loji pemprosesan sarang burung walit (SBW) telah berjaya berdaftar dengan pihak *Certification and Accreditation Administration (CNCA)*, Republik Rakyat China (RRC) dan diberi kelulusan untuk mengeksport SBW mentah yang telah bersih ke RRC. 8 daripadanya telah diberi kelulusan dalam pengauditan 'batch' pertama pada Disember 2013, manakala 11 buah loji lagi telah mendapat kelulusan melalui pengauditan 'batch' kedua pada Julai 2015.

Senarai loji pemprosesan yang mendapat kelulusan adalah seperti berikut:

### **Kelulusan Pengauditan 'Batch' Pertama**

1. Sunshine Region Sdn.Bhd.
2. PT Swift Marketing Sdn.Bhd.
3. Tian Ma Bird Nest Sdn.Bhd.
4. Kuan Wellness Sdn.Bhd.
5. Fuciphagus Agritech Sdn.Bhd.
6. Yen Pao Lai (M) Sdn.Bhd.
7. Golden Mah Bird's Nest Sdn.Bhd.
8. Yanming Resources Sdn. Bhd.

## **Kelulusan Pengauditan 'Batch' Kedua**

1. Ka Sin Success (M) Sdn Bhd
2. Steady Farm Sdn.Bhd.
3. Wing Shen Food Industries Sdn. Bhd.
4. Swallow House Enterprise
5. Dynamic Transforms Sdn. Bhd.
6. Nest World Sdn. Bhd.
7. Duta Sialin Biotechnology Sdn. Bhd
8. Dama Dingji Yanwo Sdn. Bhd.
9. Borneo Yin Woh Sdn. Bhd.
10. Ricksen (M) Sdn. Bhd.
11. Blue Sky Bird Nest Sdn. Bhd.

Terbaharu, sebanyak 17 buah lagi loji pemprosesan SBW dalam proses permohonan untuk pengauditan 'batch' ketiga dan telah dihantar untuk pertimbangan pihak RRC.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak melihat sebarang unsur monopoli dalam perkara pengeksportan SBW ke luar negara (China) kerana tiada sebarang halangan dikenakan. Semua syarikat/loji pemprosesan yang memenuhi spesifikasi dan piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak China layak untuk membuat permohonan bagi tujuan pengeksportan.

Kementerian juga turut menggalakan pengeksportan produk-produk SBW ke luar negara selain dari China bagi meningkatkan nilai eksport produk dan daya saing industri ini. Walau bagaimanapun, pengeksportan mestilah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh negara pengimport.

Sebagai makluman, hanya negara China sahaja yang mensyaratkan loji pemprosesan SBW berdaftar dengan CNCA sebelum diberi kelulusan mengeksport ke China.